



PENGABAIAN DAN PENDERAAN EMOSI IBU BAPA BERUMUR

NURAMIRA BINTI RASDI

Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian

(Kajian Khidmat Sosial)

2015

PENGABAIAN DAN PENDERAAN EMOSI IBU BAPA BERUMUR

NURAMIRA BINTI RASDI

38095

This project is submitted in partial fulfillment of the requirements for a
Bachelor of Social Sciences with Honors
(Social Work Studies)

**FACULTY OF SOCIAL SCIENCES
UNIVERSITY MALAYSIA SARAWAK**

2015

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: A

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the SUBMISSION DATE

Student's Declaration:

I **Nuramira binti Rasdi (38095)**, Faculty of Social Sciences hereby declare that the work entitled **Pengabaian dan Penderaan Emosi Ibu Bapa Berumur** is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

SUBMISSION DATE



NURAMIRA BINTI RASDI

(38095)

Supervisor's Declaration:

I Dr. Kamsiah Binti Ali hereby certifies that the work entitled **Pengabaian dan Penderaan Emosi Ibu Bapa Berumur** was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/full fulfillment for the conferment of Bachelor of Social Sciences (Social Work Studies) and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: Dr. Kamsiah Binti Ali

Date: 15 June 2015

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

CONFIDENTIAL

(Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*

RESTRICTED

(Contains restricted information as specified by the organization where research was done)*

OPEN ACCESS

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirm with free consent and willingly declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of University Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.

- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalize the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature: _____ Supervisor signature: _____

(19th June 2015)

(19th June 2015)

Current Address:

Faculty of Social Sciences, University Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan.

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organization with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

PENGAKUAN PELAJAR

Saya mengaku bahawa semua karya ini adalah hasil karya saya sendiri kecuali nukilan, petikan, huraian dan ringkasan dalam karya ini telah dinyatakan sumbernya.

Saya juga menyerahkan hak ciptaan ini kepada pihak Fakulti Sains Sosial bagi tujuan penerbitan jika didapati sesuai.

(Tarikh serahan)

Nuramira binti Rasdi

Pengesahan Penyelia

Projek tahun akhir berjudul **PENGABAIAN DAN PENDERAAN EMOSI IBU BAPA BERUMUR** telah diusahakan dan diserahkan oleh NURAMIRA BINTI RASDI (38095) sebagai memenuhi syarat pengijazahan Sarjana Muda Sains Sosial (Kajian Khidmat Sosial) dengan Kepujian.

Disahkan oleh:

(Tarikh serahan)

(DR. KAMSI AH BINTI ALI)
Penyelia Projek Tahun Akhir,
Kajian Khidmat Sosial,
Fakulti Sains Sosial,
Universiti Malaysia Sarawak.

DEKAN,
Fakulti Sains Sosial,
Universiti Malaysia Sarawak.

PENGHARGAAN

Saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Illahi kerana dengan izin-Nya dapat saya menyiapkan Projek Tahun Akhir saya meskipun pelbagai cabaran dan dugaan yang saya tempuhi.

Jutaan terima kasih saya ingin ucapkan juga kepada Ketua Kampung Lubok Bunut, Machang iaitu Encik Hatta Ismail kerana membenarkan saya membuat kajian di kampung tersebut dan memberikan maklumat yang bernas kepada saya. Terima kasih juga kepada penduduk kampung tersebut kerana memberikan kerjasama dan maklum balas yang positif kepada saya sepanjang saya menjalankan kajian ini.

Sekalung penghargaan buat penyelia saya, Dr Kamsiah Ali di atas segala tunjuk ajar yang tidak berbelah bahagi kepada saya iaitu daripada segi nasihat, teguran, pandangan dan tunjuk ajar dalam tempoh jangka masa saya menyiapkan Projek Tahun Akhir saya.

Selain itu, tidak lupa juga kepada ibu bapa saya, Encik Rasdi bin Mamat dan Puan Rohani binti Seman serta adik beradik saya yang menjadi tulang belakang untuk saya menjayakan Projek Tahun Akhir ini. Jasa kalian amat saya hargai. Begitu juga kepada rakan-rakan seperjuangan saya terutama Nor Afiqah Rozikin, Siti Zalina Shafie, Nur Haniz Abu Bakar, Nur Quraishia Musi dan Nurul Fariha Rasdi yang tidak putus-putus memberi semangat dan dorongan untuk saya menyiapkan kajian ini. Sokongan dan kata-kata nasihat daripada kalian semua tidak akan saya lupakan. Segala kenangan pahit manis sepanjang menjalankan Projek Tahun Akhir ini tidak akan saya lupakan sehingga ke akhir hayat saya.

ABSTRAK

Kajian ini mengkaji kesedaran keluarga mengenai pengabaian dan penderaan emosi terhadap ibu bapa berumur. Secara khususnya, kajian ini mengkaji pandangan anak-anak sama ada menjaga ibu bapa berumur dianggap sebagai bebanan atau tanggungjawab mereka. Selain itu, kajian ini juga dijalankan untuk mengenalpasti adakah sikap dan tingkah laku anak-anak atau ibu bapa berumur yang mengakibatkan pengabaian dan penderaan emosi ibu bapa. Seramai 14 orang responden yang terdiri daripada tujuh orang ibu bapa berumur dan tujuh orang anak-anak yang tinggal bersama-sama dalam sebuah keluarga dijadikan sampel kajian. Kaedah kajian yang digunakan adalah temubual bersemuka. Hasil kajian mendapati sememangnya sesebuah keluarga mempunyai pengetahuan dan kesedaran terhadap isu pengabaian dan penderaan emosi ibu bapa berumur. Walau bagaimanapun pengetahuan dan kesedaran mereka mengenai isu ini kurang kerana mereka tidak mengetahui risiko isu tersebut dalam kehidupan mereka. Seterusnya, hasil kajian mendapati anak-anak menghargai sumbangan dan pengorbanan ibu bapa sementara ibu bapa mahu menghabiskan sisa-sisa hidup bersama anak-anak.

ABSTRACT

This study examines the family awareness on neglect and emotional abuse against elderly parents. In particular, this study examines the views of children either taking care of aged parents is considered as a burden or a responsibility. In addition, this study is also conducted to identify whether the attitude and behavior of children or aged parents caused the neglect and emotional abuse of parents. A total of 14 respondents, comprising seven aged parents and seven children, who lived together as a family made the samples. The method used is a face-to-face interview. The study found family does have the knowledge and awareness on issues of neglect and emotional abuse of aged parents. However their knowledge and awareness about this issue is still lacking because they are not aware of the risk of this issue in their lives. Next, the study found the children appreciates the contributions and sacrifices of parents; meanwhile parents want to spend their life with their children.

ISI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
PENGAKUAN PELAJAR.....	v
PENGHARGAAN.....	vi
ABSTRAK.....	vii
ABSTRACT.....	vii
ISI KANDUNGAN.....	viii-xii
SENARAI JADUAL.....	xiii
SENARAI GLOSARI.....	xiv
BAB 1: PENDAHULUAN.....	1
1.0 Pengenalan.....	1
1.1 Latar Belakang.....	1
1.1.1 Pengetahuan Terhadap Situasi Penjagaan Warga Tua.....	1-4
1.1.2 Kesedaran Terhadap Situasi Penjagaan Warga Tua.....	4-7
1.1.3 Pengabaian Terhadap Penjagaan Warga Tua.....	7-10
1.2 Penyataan Masalah.....	10-11
1.3 Objektif Am.....	11
1.4 Objektif Khusus.....	11
1.5 Soalan Kajian.....	11
1.6 Skop Kajian.....	12-13
1.7 Justifikasi Kajian.....	13
1.8 Kepentingan Kajian.....	14
1.9 Limitasi Kajian.....	14
1.10 Organisasi Penulisan PTA.....	15
1.11 Kesimpulan.....	15

BAB 2: KAJIAN LITERATUR.....	16
2.0 Pengenalan.....	16
2.1 Definisi.....	16
2.1.1 Pengabaian.....	16-17
2.1.2 Penderaan Emosi.....	17-18
2.1.3 Ibu Bapa Berumur / Warga Tua.....	18-19
2.2 Kajian Lepas.....	20
2.2.1 Kesedaran dan pengetahuan keluarga mengenai pengabaian dan penderaan emosi terhadap ibu bapa berumur.....	20-23
2.2.2 Punca pengabaian dan penderaan emosi terhadap ibu bapa berumur.....	23-26
2.2.3 Statistik pengabaian dan penderaan emosi terhadap ibu bapa berumur.....	27-31
2.2.4 Pengalaman keluarga dalam penjagaan ibu bapa berumur.....	31-36
2.3 Teori.....	36
2.3.1 Teori Pertukaran Sosial.....	36-41
2.3.2 Teori Peranan.....	42-43
2.4 Kesimpulan.....	43
BAB 3: METODOLOGI.....	44
3.0 Pengenalan.....	44
3.1 Lokasi Kajian.....	44
3.2 Sampel dan Kaedah Persampelan.....	44
3.2.1 Populasi Kajian.....	44-45
3.2.2 Sampel Kajian.....	45
3.3 Alat Kajian.....	45
3.3.1 Soalan Panduan Temubual.....	45-46
3.4 Kaedah Pengumpulan Data.....	46
3.4.1 Temubual Bersemuka.....	46

3.4.2	Alat Perakam Suara.....	46
3.4.3	Analisis Data Tematik.....	47
3.4.4	Kajian Rintis.....	47
3.5	Etika Kajian.....	44-45
3.6	Kesimpulan.....	48-49
BAB 4: DAPATAN KAJIAN.....		50
4.0	Pengenalan.....	50
4.1	Latar Belakang.....	50-51
4.2	Maklumat Responden.....	52-55
4.3	Kesedaran Keluarga Mengenai Pengabaian dan Penderaan Emosi Terhadap Ibu Bapa Berumur.....	55
4.3.1	Definisi Pengabaian dan Penderaan Emosi Terhadap Ibu Bapa Berumur (pandangan ibu bapa berumur).....	55-58
4.3.1	Definisi Pengabaian dan Penderaan Emosi Terhadap Ibu bapa Berumur (pandangan anak-anak).....	58-61
4.3.2	Sumber Maklumat Tentang Isu Pengabaian dan Penderaan Emosi Terhadap Ibu Bapa Berumur (pandangan ibu bapa berumur).....	61-63
4.3.2	Sumber Maklumat Tentang Isu Pengabaian dan Penderaan Emosi Terhadap Ibu Bapa Berumur (pandangan anak-anak).....	63-67
4.3.3	Faktor-faktor Pengabaian dan Penderaan Emosi Terhadap Ibu Bapa Berumur (pandangan ibu bapa berumur).....	67-71
4.3.3	Faktor-faktor Pengabaian dan Penderaan Emosi Terhadap Ibu Bapa Berumur (pandangan anak-anak).....	71-76
4.3.4	Kesan Pengabaian dan Penderaan Emosi Terhadap Ibu Bapa Berumur (pandangan ibu bapa berumur).....	76-78

4.3.4	Kesan Pengabaian dan Penderaan Emosi Terhadap Ibu Bapa Berumur (pandangan anak-anak).....	78-80
4.4	Sikap dan Tingkah Laku Anak-anak atau Ibu Bapa Berumur Menjadi Punca Pengabaian dan Penderaan Emosi Ibu Bapa Berumur.....	81
4.4.1	Sikap dan Tingkah Laku Yang Ditunjukkan Ibu Bapa Sepanjang Tinggal Bersama-sama (pandangan ibu bapa berumur).....	81-85
4.4.1	Sikap dan Tingkah Laku Yang Ditunjukkan Ibu Bapa Sepanjang Tinggal Bersama-sama (pandangan anak-anak).....	85-89
4.4.2	Sikap dan Tingkah Laku Yang Ditunjukkan Anak-anak Sepanjang Tinggal Bersama-sama (pandangan ibu bapa berumur).....	89-92
4.4.2	Sikap dan Tingkah Laku Yang Ditunjukkan Anak-anak Sepanjang Tinggal Bersama-sama (pandangan anak-anak).....	92-94
4.5	Menjaga Ibu Bapa Berumur Dianggap Beban Atau Tanggungjawab.....	94
4.5.1	Anak-anak Menganggap Menjaga Ibu Bapa Berumur Sebagai Beban (pandangan ibu bapa berumur).....	94-96
4.5.2	Anak-anak Menganggap Menjaga Ibu Bapa Berumur Sebagai Tanggungjawab (pandangan ibu bapa berumur).....	96-97
4.5.2	Anak-anak Menganggap Menjaga Ibu Bapa Berumur Sebagai Tanggungjawab (pandangan anak-anak).....	97-98
4.6	Kesimpulan.....	99
	BAB 5: PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN DAN KESIMPULAN	100
5.0	Pengenalan.....	100
5.1	Perbincangan.....	100-113
5.2	Rumusan Kajian.....	113-114
5.3	Isu Berbangkit.....	114-115

5.4	Cadangan Untuk Pengkaji Akan Datang.....	115-116
5.5	Kesimpulan.....	116-117
	RUJUKAN.....	118-123
	LAMPIRAN 1.....	124-125
	LAMPIRAN 2a.....	126
	LAMPIRAN 2b.....	127
	LAMPIRAN 3.....	128

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Statistik pengabaian dan penderaan bulan Januari hingga bulan Mei 2008	27
2	Perbandingan purata pengabaian, penderaan emosi dan penderaan kewangan dari bulan Januari hingga bulan Mei 2008	28
3	Punca-punca penderaan tempoh bulan Januari hingga bulan Mei 2008	29
4	Pengalaman didera dalam kalangan mangsa penderaan	29
5	Maklumat ibu bapa berumur di Kampung Lubok Bunut, Machang pada bulan Februari 2015	52
6	Maklumat anak-anak sebagai penjaga di Kampung Lubok Bunut, Machang pada bulan Februari 2015	54
7	Pandangan ibu bapa berumur terhadap sumber maklumat pengabaian dan penderaan emosi ibu bapa berumur	62
8	Pandangan anak-anak terhadap sumber maklumat pengabaian dan penderaan emosi ibu bapa berumur	66
9	Pandangan ibu bapa berumur terhadap faktor-faktor pengabaian dan penderaan emosi ibu bapa berumur	70
10	Pandangan anak-anak terhadap faktor-faktor pengabaian dan penderaan emosi ibu bapa berumur	71
11	Pandangan ibu bapa berumur terhadap kesan pengabaian dan penderaan emosi ibu bapa berumur	77
12	Pandangan anak-anak terhadap kesan pengabaian dan penderaan emosi ibu bapa berumur	80
13	Pandangan ibu bapa berumur terhadap sikap dan tingkah laku yang ditunjukkan ibu bapa berumur	84
14	Pandangan anak-anak terhadap sikap dan tingkah laku yang ditunjukkan ibu bapa berumur	88

SENARAI GLOSARI

JPM	Jabatan Perangkaan Malaysia
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
WHO	<i>World Health Organization</i>
RSK	Rumah Seri Kenangan
UPM	Universiti Putra Malaysia
YKN	Yayasan Kebajikan Negara
KPKWM	Kementerian Pembangunan Keluarga, Wanita dan Masyarakat
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
NCEA	<i>The National Center on Elder Abuse</i>
PBB	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
ICCL	<i>International Conference on Corporate Law</i>
MOSTI	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Dalam bab satu ini, pengkaji membincangkan definisi ibu bapa berumur dan pengabaian dan penderaan emosi ibu bapa berumur. Pengkaji juga turut membincangkan apa yang dimaksudkan dengan kesedaran dan pengetahuan keluarga mengenai pengabaian dan penderaan emosi terhadap ibu bapa berumur. Dalam bab ini, pengkaji turut menerangkan pernyataan masalah, objektif umum kajian, objektif khusus, soalan kajian dan justifikasi kajian.

1.1 Latar Belakang Kajian

1.1.1 Pengetahuan terhadap situasi penjagaan warga tua

Peningkatan populasi warga emas dalam komposisi kependudukan negara merupakan satu fenomena sosial yang sentiasa berlaku di setiap negara membangun termasuk Malaysia. Berdasarkan fenomena tersebut, pertambahan populasi warga emas di negara Malaysia menunjukkan negara mencapai status negara tua seperti negara maju yang lain dengan purata 15 peratus iaitu 5.1 juta jumlah penduduk yang berusia 60 tahun dan ke atas menjelang 2035 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2011).

Zaman kini kian berubah dengan aras pemodenan serta perindustrian yang melanda Malaysia. Malaysia kini mencapai zaman era globalisasi setaraf dengan gelaran negara yang sedang membangun. Apabila negara sedang membangun ke arah aras kemajuan, maka populasi setiap penduduk di Malaysia juga kian bertambah. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2012), jumlah penduduk Malaysia pada tahun 2010 ialah

sebanyak 28.6 juta dan dijangkakan meningkat sebanyak 10 juta (35.0%) kepada 38.6 juta pada 2040.

Menurut Doris (2010), fenomena peningkatan jumlah warga emas di Malaysia semakin meningkat berlaku sejak 1960-an adalah disebabkan penurunan kadar kelahiran dan mortaliti, kemudahan kesihatan yang baik, dan peningkatan kawalan penyakit berjangkit. Tambahan pula, penambahan bilangan warga emas ini diikuti dengan peningkatan dalam penjagaan dan sokongan sosial, baik dalam sektor formal mahupun tidak formal (Douglas, 1983). Hal ini disebabkan kualiti hidup warga emas dinilai daripada status sosial, kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan asas, tempat kediaman dan kesihatan yang selalunya berubah akibat daripada proses pembedaan yang berlaku dalam persekitaran mereka (Aishah Haji Mohamed & Katiman Rostam, 2010).

Pemilihan untuk tinggal bersama keluarga dikaitkan dengan konsep penjagaan keluarga di mana konsep tersebut kekal hingga ke akhir hayat antara ibu bapa dengan anak-anak mereka. Umum diketahui masyarakat di Malaysia yang merupakan masyarakat berbilang bangsa, agama dan kaum tidak pernah menganggap ibu bapa mereka yang tua dan uzur sebagai beban dalam kehidupan mereka. Buktinya, di negara-negara Asia Timur dan Asia Barat yang merangkumi negara tamadun besar seperti China, Jepun, Korea, Taiwan, India, Indonesia dan sebagainya mendapati anak dewasa perlu mengambil peranan dan tanggungjawab untuk menjaga ibu bapa mereka yang berumur (Salina Nen, 2012). Firman Allah dalam surah Yasin ayat 68: *'Dan barang siapa yang Kami panjangkan umurnya nescaya Kami kembalikan dia kepada kejadiannya (menjadi lemah dan kurang akal seperti kanak-kanak), Maka apakah mereka tidak memikirkan?'* Ayat ini menyatakan semakin manusia dimamah usia, mereka akan berubah kembali seperti kanak-kanak kecil, di mana mereka akan semakin lemah dari segi fizikal dan mental.

Justeru, semasa anak-anak kecil ibu bapa menjaga anak-anak, sekarang giliran anak-anak untuk menjaga ibu bapa mereka pula.

Setiap agama menyeru umatnya untuk menghormati, menjaga dan mentaati ibu bapa mereka sehingga ke akhir hayat tanpa mengabaikan mereka. Hubungan mesra antara ibu bapa dengan anak-anak penting untuk mengekalkan kasih sayang antara mereka. Ini dapat dibuktikan dengan agama Islam serta adat dan budaya Melayu menyeru agar setiap individu tidak lupa akan tanggungjawab mereka terhadap kedua-dua ibu bapa mereka (Mat Zahari, 1982).

Selain itu, menjaga ibu bapa ialah tanggungjawab filial seorang anak. Tanggungjawab filial merujuk kepada tanggungjawab seorang anak dewasa terhadap ibu bapanya, terutama apabila ibu bapa semakin tua dan memerlukan pertolongan anak dewasa dalam menguruskan kehidupan seharian (Khadijah Alavi, 2012). Menurut Siti Hajar, Fatimah Abdullah dan Noralina Omar (2012) dari perspektif Sosiologi, norma budaya taat (*filial piety*) terhadap ibu bapa menjadi ideology asas kepada tanggungjawab menjaga ibu bapa serta dilihat sebagai membalas jasa.

Tambahan pula, menurut Chow (1996), dalam ajaran *Confucius* tentang *Xiao Jing* atau *Filial Piety*, masyarakat China, Korea, Jepun, Taiwan dan Hong Kong diajar supaya taat akan perintah ibu bapa walaupun ibu bapa mereka bertentangan pendapat dengan anak dewasa tersebut. Budaya dan etika *Confucius* ini amat mempengaruhi masyarakat Asia Timur sehingga dasar tersebut digubal dalam perlembagaan perundangan mereka. Contohnya di negeri China di mana kerajaan mengawal hak untuk migrasi dan berpindah penempatan, namun perpindahan atas dasar ingin menjaga ibu bapa mereka amat digalakkan dan mendapat keutamaan dalam dasar negara (Liu & Kendig, 2000). Justeru,

keadaan ini menunjukkan setiap anak-anak yang masih mempunyai ibu bapa mereka hendaklah menghargai dan menjaga ibu bapa mereka selagi hayat ibu bapa masih ada.

Kesimpulannya, anak-anak hendaklah mempunyai tahap pengetahuan yang luas mengenai cara penjagaan ibu bapa berumur yang baik seperti bagaimana ingin menjaga keperluan asas ibu bapa dengan baik serta mengetahui panduan dan informasi dalam menjaga ibu bapa dengan baik. Anak-anak mahupun ahli keluarga yang lain juga hendaklah menghargai ibu bapa berumur atau warga tua. Tambahan pula, anak-anak hendaklah mengetahui menjaga ibu bapa mereka adalah merupakan tanggungjawab mereka sebagai seorang anak.

1.1.2 Kesedaran terhadap situasi penjagaan warga tua

Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (2015), analisis awal mendapati sehingga Disember 2014, seramai 71.1% (hampir 1.8 juta) warga emas telah didaftarkan di klinik-klinik kesihatan kerajaan. Anggaran jumlah penduduk merangkumi warga emas di Malaysia hanya seramai 2.54 juta orang. Ini bermaksud hampir 700 ribu warga emas masih belum mendaftarkan diri di mana-mana klinik kesihatan kerajaan dan tidak pernah mengetahui atau memeriksa status kesihatan mereka. Masalah tersebut amat membimbangkan pihak kerajaan kerana warga emas mempunyai risiko serta morbiditi yang tinggi.

Ini dapat disokong dengan kenyataan Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) Kawasan Pasifik Barat (2015) dalam laporannya '*The Health of Older People in Selected Countries of the Western Pacific Region, 2014*' antaranya menyatakan 87% warga emas di Malaysia mempunyai masalah-masalah kesihatan dalam kategori penyakit berjangkit (*non-communicable diseases*). Justeru, untuk menangani masalah ini memerlukan

tindakan daripada pelbagai agensi, serta pelbagai strategi terutama dari segi perkhidmatan kesihatan, persekitaran yang mesra, perumahan dan pengangkutan, perlindungan sosial serta lain-lain dasar (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2015). Kerjasama tenaga ini amat diperlukan untuk mendukung hasrat murni Dasar Warga Emas Negara dan Dasar Kesihatan Warga Emas serta Laporan WHO seperti yang dinyatakan tadi.

Berkaitan dengan pelbagai institusi penjagaan khas untuk warga emas yang disediakan oleh pihak kerajaan seperti Rumah Seri Kenangan (RSK), namun bagi warga emas, mereka juga mempunyai pilihan dalam memilih tempat tinggal untuk keselesaan mereka sendiri. Ini bermaksud warga emas lebih selesa untuk tinggal dalam sesebuah keluarga bersama-sama dengan anak-anak mereka berbanding tinggal di institusi penjagaan rumah orang tua-tua. Pernyataan ini disokong oleh Doris (2008), yang menjelaskan seramai 86.3 peratus responden memilih untuk tidak mahu tinggal di institusi penjagaan warga emas, sebaliknya mereka memilih untuk menetap dalam sesebuah keluarga iaitu bersama anak-anak mereka.

Selain itu, pernyataan tersebut juga telah disokong oleh kajian Chen (2002) dalam kajiannya, *'The elderly Malaysian'* yang menjelaskan 72 peratus warga emas menetap bersama-sama anak-anak mereka. Kajian Chen ini jelas menunjukkan kebergantungan warga emas kepada anak-anak mereka untuk mengharungi sisa-sisa kehidupan mereka yang masih berbaki. Kebergantungan ini berlaku disebabkan warga emas yang dahulunya kuat dan berdikari kini menjadi semakin uzur dan lemah dimamah usia. Ini menyebabkan mereka terpaksa bergantung kepada anak-anak mereka yang dewasa. Kajian Chen ini boleh dikaitkan dengan pernyataan Qureshi dan Walker (1989) yang menjelaskan hubungan asimetri antara anak dewasa dengan ibu bapa terwujud apabila anak dewasa mengambil alih peranan sebagai penjaga kepada ibu bapa mereka.

Warga emas lebih suka untuk tinggal bersama-sama dengan keluarga mereka sendiri. Apabila mereka tinggal bersama-sama dengan keluarga mereka, secara langsung ini membolehkan mereka sentiasa berdikari walaupun menghadapi proses penuaan, berautonomi, dan mempunyai jaringan sosial yang lebih baik dengan ahli keluarga dan rakan-rakan mereka sendiri (Frank, 2002). Selain itu, masyarakat dan ahli komuniti juga dapat memberikan kerjasama dan saling membantu warga emas dalam meningkatkan kualiti hidup dan mengekalkan hubungan baik bersama warga emas yang tinggal dalam kawasan kejranaan mereka. Menurut Thomas dan Blanchard (2009), hubungan tersebut merupakan inti pati untuk warga emas menghadapi proses penuaan dalam diri mereka.

Pelbagai persoalan yang muncul di minda mengapa warga emas atau ibu bapa berumur lebih memilih untuk tinggal bersama-sama dengan ahli keluarga mereka daripada tinggal di institusi penjagaan orang tua. Hal ini disebabkan apabila warga emas melalui proses penuaan, umur mereka semakin meningkat, serta tenaga mereka semakin berkurang, mereka akan menjadi sensitif dan lebih bersikap bergantung kepada anak-anak mereka sendiri. Menurut Wan Ibrahim Wan Ahmad dan Che Yusoff Che Mamat (2003), warga emas lebih suka tinggal dengan keluarga mereka sendiri, tinggal di kawasan desa kerana persekitaran yang tidak sibuk, hubungan yang mesra dengan penduduk dan semangat kekeluargaan dalam masyarakat yang kuat. Khadijah Alavi (2008) menyatakan sokongan keluarga serta penjagaan anak dewasa adalah lebih penting dalam meningkatkan kesejahteraan ibu bapa berbanding dengan penjagaan formal seperti penjagaan di institusi.

Apabila warga emas melalui proses penuaan, mereka akan menghadapi kemerosotan kesihatan dan kemampuan fizikal serta mental mereka juga semakin lemah dimamah usia (Lauer & Lauer, 2002). Secara tidak langsung mereka memerlukan

penjagaan rapi, bantuan dan sokongan daripada anak-anak mereka terutama anak yang dewasa. Bagi warga emas tersebut, tiada siapa yang boleh diharapkan untuk mereka bergantung kecuali dengan anak-anak kandung mereka sendiri. Menurut Chor Swang dan Da Vanzo (1999), warga emas lebih cenderung memilih keluarga terdekat untuk meminta sokongan dan mengharapkan penjagaan daripada keluarga mereka sendiri. Ini dapat disokong dengan kenyataan Khadijah Alavi (2012) yang menjelaskan ahli keluarga (anak-anak) merupakan sumber utama dalam penjagaan ibu bapa berumur manakala saudara mara dan jiran tetangga pula merupakan penjaga sekunder. Kenyataan Khadijah Alavi (2012) ini disokong oleh Steenvooden dan Van der Pas (1993) yang menerangkan warga emas sering mengharapkan bantuan dan perhatian daripada anak-anak, saudara mara, jiran tetangga dan rakan-rakan.

Secara keseluruhannya, setiap individu hendaklah mempunyai tahap kesedaran yang tinggi mengenai bagaimana menjaga ibu bapa berumur atau warga tua dengan baik. Jika kurang tahap kesedaran dalam diri setiap individu, maka isu pengabaian dan penderaan warga tua boleh berlaku. Selain itu, anak-anak hendaklah sedar akan tanggungjawab mereka sebagai seorang anak di samping memupuk kesedaran dalam diri untuk menghargai ibu bapa dan menjaga kebajikan mereka dengan baik.

1.1.3 Pengabaian terhadap penjagaan warga tua

Apabila manusia semakin sibuk demi mengejar kekayaan dan kemewahan hidup seharian, tanpa mereka sedari mereka telah meminggirkan dan mengecualikan ibu bapa mereka yang semakin berumur dalam kehidupan mereka. Buktinya, dalam Utusan Malaysia pada tahun 2009 menyatakan 100,000 warga emas terpinggir dan berkemungkinan berhadapan dengan pelbagai risiko serangan penyakit dan turut terdedah

dengan kegiatan jenayah terutama samun dan bunuh (Noraini Nordin, 2009). Banci Penduduk dan Perumahan yang dilakukan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2000) mendedahkan lebih 95,000 warga emas hidup bersendirian. Angka yang mengejutkan ini telah menggemparkan seluruh negara dan telah mendapat perhatian seluruh pihak. Pengarah Institut Gerontologi Universiti Putra Malaysia (UPM), Professor Madya Tengku Aizan Hamid (2012) menjelaskan golongan warga emas terpaksa hidup berseorangan di rumah atau merempat di jalanan selepas kematian suami atau bercerai. Selain itu, faktor tidak selesa tinggal bersama-sama dengan anak-anak atau dipinggirkan menyebabkan warga emas terpaksa meneruskan sisa-sisa hidup berseorangan (Nor Affizar Ibrahim, 2012).

Anak-anak hendaklah memahami perasaan, bersikap bertimbang rasa, menghargai, menyayangi dan menghormati ibu bapa mereka yang berumur (Yaacob Harun, 1993; Faridatul Azna dan Che Sahak, 1999; Yahya dan Wan Ibrahim, 2000; Tengku Aizan, 2000). Namun dewasa ini, masyarakat semakin luntur nilai kemanusiaannya. Saban hari, berita tentang pengabaian dan penderaan terhadap warga emas atau ibu bapa berumur semakin jelas di pendengaran individu masing-masing. Masalah tersebut menggambarkan senario masyarakat yang semakin hari semakin tipis dengan nilai kasih sayang dan perikemanusiaan dalam diri. Pepatah Melayu yang berbunyi 'bagai kacang lupakan kulit' mungkin sesuai untuk menggambarkan keadaan yang berlaku terhadap ibu bapa berumur yang kian terabai, kurang bernasib baik dan kebajikan mereka kurang dijaga dengan baik.

Dalam hal ini, kita sering bertanya-tanya dalam diri mengapa ibu bapa boleh diabaikan oleh keluarga mereka sendiri dan makin dilupakan oleh semua lapisan masyarakat. Hal ini disebabkan menjaga ibu bapa yang sudah berumur bukanlah

merupakan satu beban oleh setiap individu bahkan menjadi satu tanggungjawab kepada kita sebagai anak-anak mereka. Menjaga ibu bapa yang sakit ketika diambang maut dan menguruskan jenazah merupakan tanggungjawab yang dituntut oleh agama. Namun, kesibukan anak-anak pada zaman terkini dalam menambahkan rezeki menyebabkan pengabaian terhadap ibu bapa (Abdullah, 1992).

Menurut Aishah Haji Mohamed dan Katiman Rostam (2010) anak-anak semakin sibuk dengan pendidikan, kerjaya dan keluarga mereka sendiri. Tuntutan sedemikian menyebabkan sesetengah anak-anak berhijrah ke daerah, negeri atau negara lain. Ini disokong dengan Martin (1989) yang menjelaskan ibu bapa yang telah tua tidak dapat mengikut anak yang baru memulakan kerjaya berhijrah ke tempat baru disebabkan tempat tinggal mereka yang sempit, kos sara hidup tinggi dan tidak ada penjaga. Martin (1989) berpendapat jika ibu bapa tinggal bersama-sama dengan anak-anak mereka dalam situasi yang sedemikian boleh mempengaruhi kualiti kehidupan mereka bersama.

Bagi ibu bapa yang masih tinggal bersama dengan anak-anak mereka walaupun tidak berhijrah ke tempat lain, tidak juga dapat memberi perhatian terhadap ibu bapa mereka yang tua disebabkan masa kerja yang ditetapkan baik dalam sektor kerajaan ataupun swasta menyebabkan mereka tidak boleh pergi dan balik sesuka hati. Ini menyebabkan ibu bapa yang berumur terpaksa tinggal berseorangan di rumah, tersisih secara sosial, kehilangan autonomi dan identiti diri serta mengalami masalah kewangan (Aishah Haji Mohamed & Katiman Rostam, 2010).

Justeru, setiap individu terutama anak-anak yang masih mempunyai ibu bapa hendaklah mempunyai tahap kesedaran yang tinggi tentang isu pengabaian dan penderaan emosi yang melibatkan ibu bapa sebagai mangsa keadaan agar isu tersebut tidak timbul